

MP	BAHASA MELAYU TAHUN 6	TARIKH NAMA MURID	
TAJUK	Kisah Penggesek er-hu		
SK	3.3. Membina dan menulis perkataan, frasa, dan ayat yang betul.		
SP	3.3.3 Membina dan menulis jawapan secara kritis dan kreatif dengan betul.		



Video PDPC :

<https://bit.ly/3DyVZtq>

MUKA SURAT : 99

- Menonton video dalam link di atas.
- Baca teks dan memahami .
- Tulis jawapan berpanduan video.Nyatakan nombor soalan.
- Hantar rakaman gambar kepada guru anda.

Kisah Penggesek Erh-hu

Encik Gan bapa saudara Jian Hui. Beliau penggesek erh-hu tersohor di tanah air. Beliau sering diundang untuk mengadakan persembahan kebudayaan sama ada di dalam negara mahupun di luar negara.

Pada suatu malam, sedang beliau bersiap sedia untuk membuat persembahan, beliau terpancang akan seseorang yang amat dikenalnya suatu ketika dahulu.

"Cikgu Ming, bekas guru muzikku," bisik hati Encik Gan.

Secara tiba-tiba, peristiwa yang berlaku kira-kira 30 tahun yang lalu menerjah ingatannya. Ketika itu, dia masih di bangku sekolah rendah.

"Kamu tahu nama alat muzik ini?" tanya Cikgu Ming seraya menunjukkan sekeping gambar kepada Gan.

"Er ... tak tahu, cikgu," jawab Gan jujur.

"Nama alat muzik ini erh-hu, bukan er ... tak tahu," balas Cikgu Ming sambil bergurau. Gurauan itu membuatkan rakan-rakan Gan ketawa terbahak-bahak. Gan malu tersipu-sipu.

Namun begitu, dia tidak menyimpan perasaan marah terhadap gurunya itu. Sebaliknya, gurauan tersebut telah membakar semangatnya. Bermula dari detik itulah berputiknya cita-cita Gan untuk menjadi penggesek erh-hu ternama.



Jawab soalan.

- Siapakah Encik Gan?
- Apakah yang dilakukan oleh rakan-rakan Gan?
- Wajarkah tindakan mereka? Jelaskan.
- Mengapakah Gan tidak menyimpan perasaan marah terhadap gurunya?
- Bagaimanakah alat muzik tradisional seperti erh-hu dapat dipopularkan di negara kita?

Tindakan mereka tidak wajar kerana kawan-kawan mungkin berasa kecil hati akan sikap kita.

Alat muzik tradisional seperti erh-hu dapat dipopularkan di negara kita dengan memperkenalkan alat muzik tersebut di sekolah dan juga dimainkan dalam pelbagai persembahan.

Rakan-rakan Gan ketawa terbahak-bahak terhadap Gan.

Encik Gan ialah bapa saudara Jian Hui.

Gan tidak menyimpan perasaan marah terhadap gurunya kerana gurauan tersebut telah membakar semangatnya untuk menjadi penggesek erh-hu yang tersohor .